

## SIARAN MEDIA

Untuk siaran segera



### YBM MEDAC LAWAT TAPAK PROJEK PANGSAPURI WARISAN TANJUNG DI TANJUNG TOKONG

**GEORGETOWN, 8 Ogos 2020** – Yang Berhormat Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, melawat ke tapak projek Pangsapuri Warisan Tanjung Parcel 4A di Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong, hari ini, di sini.

Lawatan ke tapak projek yang dibangunkan oleh UDA Land (North) Sdn Bhd, salah sebuah anak syarikat UDA Holdings Berhad (UDA) itu diiringi oleh Yang Berhormat Dato' Jalaluddin Alias Pengerusi UDA, Yang Berbahagia Datuk Haji Zamri Salleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Yang Berusaha Sr Mohd. Salem Kailany, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif UDA serta barisan pengurusan kanan MEDAC dan UDA.

YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi berpeluang melawat ke tapak tersebut bersempena lawatan rasmi beliau ke agensi-agensi di bawah MEDAC di Pulau Pinang. Beliau berbesar hati melawat ke tapak projek Tanjung Tokong itu atas dasar keprihatinan terhadap pembangunan dan penempatan semula penduduk di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, “Pembangunan Pangsapuri Warisan Tanjung ini adalah modul baharu bagi program penempatan semula untuk sesebuah pembangunan. Ini selari dengan tunggak utama UDA iaitu **memperkasa gaya hidup** dengan menyediakan kediaman kekal untuk penempatan semula yang lebih teratur serta selesa. UDA telah menggalas tanggungjawab dan berperanan dalam program penempatan semula penduduk Tanjung Tokong sejak tahun 1972 hingga kini.

“UDA sebagai salah sebuah pemaju hartanah yang mampan dan berdaya saing turut komited pada pembangunan bandar baharu dan pembaharuan bandar bagi menyumbang kepada peningkatan landskap sosial dan ekonomi negara. Program penempatan semula seumpama ini adalah langkah murni yang diambil bagi mengelakkan penindasan terhadap penduduk awal yang telah lama menetap di kawasan bandar tersebut. Usaha penempatan semula penduduk Tanjung Tokong juga dapat dilaksanakan dengan baik hasil usaha sama bersepadu antara agensi jawatankuasa pemandu kerajaan negeri dan kerajaan tempatan,” kata beliau.

Pangsapuri Warisan Tanjung Parcel 4A yang dibina atas tapak 8.0 ekar merangkumi 10 blok dengan jumlah 550 unit kediaman. Projek ini terdiri daripada 210 unit di 5 blok 6 tingkat dengan keluasan 850 kaki persegi seunit manakala 340 unit lagi meliputi 5 blok 9 dan 10 tingkat berkeluasan 800 kaki persegi setiap unit.

Tambah YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi lagi, “Seiring dengan pembangunan penempatan semula tersebut, UDA turut memfokus pada pembangunan hartanah komersial merangkumi pembangunan bercampur (*mixed development*) di sekitar kawasan Tanjung Tokong. Ini

bertepatan dengan teras utama UDA iaitu **kemampuan dan kemampanan** di mana pembangunan tersebut digunakan untuk menampung kos penempatan semula.

“UDA mengambil langkah proaktif dengan menyediakan penempatan sementara selama 5 tahun sebelum projek kediaman kekal siap sepenuhnya. Kos yang menelan belanja sehingga jutaan ringgit itu diharap sedikit sebanyak membantu meringankan beban penduduk,” kata beliau lagi

Inisiatif tersebut mencerminkan peranan awal UDA sewaktu penubuhannya pada 12 November 1971 di mana amanat Allahyarham YAB Tun Hj Abdul Razak menginginkan sebahagian orang-orang Melayu dan Bumiputera menjadi masyarakat bandar yang moden dan berkehendakan kawasan bandar menjadi sebagai pusat kehidupan rakyat yang berbilang bangsa. Menuju usia 50 tahun, UDA telah mengharungi pelbagai transformasi dan liku-liku perjalanan sebagai sebuah organisasi yang mencorakkan pembangunan di Malaysia. Perjalanan menuju separuh abad ini telah meletakkan UDA sebagai pemaju hartanah yang dinamik dari dahulu sehingga kini.

## TAMAT

---

### MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan merupakan salah sebuah organisasi pemaju hartanah, penyedia perkhidmatan hospitaliti juga pengurus aset & fasiliti yang berdaya saing dan mampan negara. UDA utuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru sejak tahun 1971.

Selama lebih empat dekad, UDA terus menyumbang ke arah pembangunan negara dengan memajukan urbanisasi di seluruh Malaysia. UDA juga tetap komited untuk memperluas penyertaan usahawan Malaysia dalam eko-sistem perniagaan UDA. Projek pembangunan hartanah UDA menyasarkan pembinaan premis berkualiti pada harga yang kompetitif untuk semua kumpulan pendapatan.

Kami fokus pada visi ‘Menjadi organisasi pilihan dengan kepelbagaian perniagaan hartanah dan pengurusan aset,’ dan kami secara konsisten berusaha untuk memenuhi misi kami iaitu ‘Memperkasa kehidupan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan pada kadar terbaik.’

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di <http://www.uda.com.my/> atau laman Facebook [facebook.com/UDAHoldings](https://www.facebook.com/UDAHoldings) dan Instagram [@uda\\_official](https://www.instagram.com/uda_official).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Latifah Osman (Lat)** | [lat@udanet.com](mailto:lat@udanet.com) | +6012 291 5427
- **Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa)** | [n.hanisah@udanet.com](mailto:n.hanisah@udanet.com) | +6013 597 4264
- **Norlizah Zahimi (Liza)** | [norlizah@udanet.com](mailto:norlizah@udanet.com) | +6017 332 9854

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan  
UDA Holdings Berhad  
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,  
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.  
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855